

Headline	Tiada rancangan cari pengganti 'Manny'		
Date	23. Jun 2008	Language	MALAY
Media Title	Harian Metro	Page No	25
Section	Setempat	Article Size	159 cm²
Circulation	336603	Frequency	Daily
Readership	2192000	Color	Full Color



Tiada rancangan cari pengganti 'Manny'

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tiada rancangan menggantikan 'Manny', anjing pengesan yang dibawa ke negara ini untuk membanteras kegiatan cetak rompak cakera optik yang mati awal bulan lalu.

Manny dan rakannya 'Paddy', anjing jantan jenis Labrador dari Ireland dibawa ke negara ini 18 Februari lalu untuk menganggotai Unit Anjing Pengesan (K9) KPDNHEP, selepas kejayaan 'Lucky' dan 'Flo' melumpuhkan beberapa sindiket cetak rompak cakera optik dalam tempoh lima bulan.

Kini, Paddy akan bekerja bersendirian membantu anggota penguat kuasa KPDNHEP membanteras kegiatan berkenaan.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Roslan Mahayuddin, berkata kementerian akan menilai kemampuan Paddy sebelum membuat keputusan mencari pengganti Manny.

Sehingga kini, katanya punca kematian Manny belum diketahui merandangkan keputusan bedah siasat akan diserahkan kepada polis.

"Walaupun Manny milik kementerian, anjing berkenaan mati ketika ditempatkan di Unit Anjing Pengesan (K9) di ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang.

"Sehubungan itu, ia dihan-

tar ke Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk bedah siasat, jadi mereka (polis) akan memberikan keputusan bedah siasat itu. Bagaimanapun, sehingga kini kita belum mendapat sebarang maklumat lagi," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Ditanya sama ada wujud unsur sabotaj menyebabkan kematian Manny, Roslan berkata:

"Tidak mungkin. Saya rasa

kematian Manny tiada kaitan sindiket cetak rompak kerana Manny belum memulakan tugasnya," katanya.

Kedua-duanya sumbang Motion Pictures Association (MPA) bagi menganggotai Unit K9 KPDNHEP bagi membantu membanteras kegiatan cakera padat (CD), cakera padat video (VCD) dan cakera video digital (DVD) cetak rompak di negara ini.

Roslan berkata, kementerian juga tiada rancangan

meminta MPA menggantikan Manny dengan anjing pengesan lain.

"Kita mempunyai peruntuhan dan tenaga kerja mulakan Unit K9 kementerian. Buat masa ini, kita akan menilai kemampuan Paddy dan akan membuat keputusan nanti," katanya.

Menurutnya, Paddy ketika ini dalam jagaan polis dalam keadaan sangat baik dan akan memulakan tugas tidak lama lagi.